



02 FEB, 2026

Hilang RM50,000 akibat satu panggilan

Harian Metro, Malaysia



Kuala Terengganu: Seorang pesara kerajaan wanita mengalami kerugian sebanyak RM50,000 selepas diperdaya sindiket penipuan telefon atau *phone scam*.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata pada 29 Jan lepas, mangsa yang berusia 71 tahun telah menerima panggilan telefon daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Beliau berkata suspek mendakwa nama mangsa telah disalahgunakan untuk pendaftaran meter TNB yang diubah suai untuk kerja mencuri elektrik di Pahang, sebelum disambungkan pula kepada rakan suspek yang menyamar sebagai pegawai polis.

“Mangsa yang berasal dari Batu Rakit, Kuala Ne-

Hilang RM50,000 akibat satu panggilan



Mangsa didakwa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram dan perlu memindahkan wang simpanannya ke akaun sementara diberikan suspek kononnya untuk tujuan siasatan”

Azli

rus didakwa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram dan perlu memindahkan wang simpanannya ke akaun sementara yang diberikan oleh suspek kononnya untuk tujuan siasatan.

“Suspek juga berjanji bahawa wang tersebut akan dipulangkan selepas siasatan kes berkenaan selesai,” katanya.

Azli berkata mangsa yang bimbang dikenakan tindakan undang-undang telah membuat pindahan wang berjumlah RM50,000 ke lima akaun berbeza seperti diarahkan suspek.

Beliau berkata mangsa bagaimanapun berasa curiga kerana suspek gagal dihubungi dan menceritakan kejadian itu kepada anaknya untuk mendapat nasihat.

“Mangsa menyedari ditipu telah membuat laporan polis pada 10.05 pagi semalam. Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan,” katanya.